

Saya menggunakan broadband digi dan amat tidak berpuas hati dengan khidmat yang diberi kerana line yang sering sangat terputus. Ini menyebabkan kesukaran untuk mendownload data seperti update virus services.belum sempat habis download line putus. saya connect balik dan mencuba lagi namun masalah sama line putus. masalah ini bukan sahaja di rumah saya malah di mana-mana lokasi pun sama sahaja.

masalah yang akan berlaku setiap kali saya online. saya sudah cuba menghubungi pihak digi namun setiap kali sebelum membuat aduan kita mesti register, namun setiap kali permohonan register dibuat gagal dengan tulisan ❖your request unable to proceed this time❖.

NCCC STATUS: Aduan ini telah pun di lanjutkan kepada pihak Digi Central dan Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia untuk perhatian dan tindakan segera.

Nasihat : Sekiranya anda sebagai Pengguna, mempunyai masalah seperti di atas ataupun bekenaan dengan perkhidmatan internet/jalur lebar pertama hubungi syarikat berkenaan sekiranya tiada maklumbalas positif ataupun masih menghadapi masalah yang sama sila lanjutkan aduan kepada NCCC.

Kami juga ingin nasihatkan Pengguna agar siasat dan tidak mengambil keputusan segera untuk mendapatkan perkhidmatan sedemikian. Kami berharap anda sebagai Pengguna adalah jelas mengenai kualiti perkhidmatan yang disediakan berhampiran dengan kawasan anda. Langkah langkah yang seperti bertanya dengan jiran ataupun kawan kawan yang tinggal berhampiran akan dapat memberi sedikit gambaran mengenai kualiti perkhidmatan di kawasan anda. Sekiranya jaminan pulangan wang diberikan dari pihak syarikat sekiranya pekhidmatan tidak dapat digunakan, maknanya anda berhak untuk mendapatkan pulangan wang.